



KENYATAAN MEDIA STATISTIK GAJI & UPAH, MALAYSIA, 2022

Penengah gaji & upah bulanan mencapai RM2,424 manakala purata mencatatkan nilai RM3,212 pada tahun 2022

PUTRAJAYA, 27 September 2023 – Penengah gaji & upah bulanan mencapai RM2,424 manakala purata mencatatkan nilai RM3,212 pada tahun 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini melaporkan dalam siaran **Statistik Gaji & Upah, Malaysia, 2022**. Statistik ini disusun berdasarkan Survei Gaji & Upah yang dijalankan oleh DOSM menggunakan pendekatan isi rumah bagi mengukur gaji & upah bulanan yang diterima oleh pekerja sepenuh masa atau yang setaraf dalam kalangan warganegara Malaysia yang bekerja di sektor awam dan swasta berdasarkan pekerjaan utama mereka. Daripada jumlah keseluruhan penduduk bekerja seramai 15.39 juta orang yang direkodkan pada tahun 2022, jumlah pekerja sepenuh masa yang dibayar gaji dan upah dalam kalangan rakyat Malaysia adalah sebanyak 9.95 juta orang.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, "Pada tahun 2022, ekonomi global berdepan cabaran yang ketara, termasuk gangguan rantaian bekalan, lonjakan harga komoditi, krisis tenaga, dan kadar inflasi yang tinggi sebelum menyederhana pada suku tahun keempat 2022. Walaupun berdepan dengan krisis ini, Malaysia mencatatkan peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang memberangsangkan, dengan kenaikan sebanyak 8.7 peratus, didorong oleh prestasi kukuh dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan, yang menyumbang sebanyak 82.4 peratus kepada KDNK negara. Fasa peralihan ke endemik, pembukaan semula sempadan antarabangsa dan peningkatan dalam industri pelancongan telah mewujudkan lebih banyak permintaan buruh dalam pasaran. Kerajaan Malaysia telah meningkatkan paras gaji minimum kepada RM1,500 bermula Mei 2022, yang mewartakan gaji bulanan sebanyak RM1,500 untuk pekerja di semua sektor, sebagai langkah yang dijangka akan meningkatkan paras gaji & upah secara keseluruhan di negara ini berbanding tahun-tahun sebelumnya. Justeru, situasi ini dicerminkan oleh peningkatan dalam penengah gaji & upah bulanan yang diterima oleh rakyat Malaysia pada tahun 2022 yang meningkat sebanyak 7.7 peratus kepada RM2,424 (2021: RM2,250). Keadaan ini menunjukkan 50.0 peratus daripada pekerja warganegara sepenuh masa menerima gaji & upah sebanyak RM2,424 dan ke bawah. Sementara itu, purata gaji & upah bulanan yang diterima oleh rakyat Malaysia pada

tahun 2022 yang meningkat sebanyak 5.8 peratus kepada RM3,212 (2021: RM3,037)."

Mengikut aktiviti ekonomi, semua sektor mencatatkan peningkatan dalam purata gaji & upah bulanan pada tahun 2022. Sektor Perkhidmatan yang merupakan sektor terbesar dalam ekonomi mencatatkan jumlah penerima gaji & upah tertinggi terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit, Pendidikan, Makanan & minuman dan Penginapan. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan, di mana sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mencatatkan peningkatan dalam purata gaji & upah bulanan, masing-masing sebanyak 5.0 peratus dan 7.9 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Purata gaji & upah bulanan untuk pekerja mahir meningkat sebanyak 3.7 peratus dengan pertambahan sebanyak RM177 kepada RM5,025 (2021: RM4,848). Dalam kalangan pekerja mahir, kategori Pengurus kekal sebagai penerima purata gaji & upah bulanan tertinggi iaitu pada RM6,385, naik sebanyak 1.4 peratus berbanding RM6,296 pada tahun 2021 dan diikuti oleh Profesional (RM5,900) serta Juruteknik & profesional bersekutu (RM3,668). Selain itu, purata gaji & upah bulanan bagi pekerja separuh mahir meningkat kepada RM2,241 (2021: RM2,064) terutamanya disumbangkan oleh Pekerja sokongan perkeranian (RM2,555), diikuti oleh Operator mesin dan loji, dan pemasang (RM2,158), Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan (RM2,154), dan pekerja Perkhidmatan & jualan (RM2,139). Sementara itu, purata gaji & upah bulanan bagi kategori pekerja berkemahiran rendah yang meliputi Pekerja asas meningkat sebanyak RM66 kepada RM1,815 berbanding RM1,749 pada tahun sebelumnya."

Mengulas lanjut mengenai situasi gaji & upah mengikut strata, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Purata gaji & upah bulanan bagi kawasan bandar dan luar bandar merekodkan peningkatan kepada RM3,351 bagi kawasan bandar dan RM2,393 bagi kawasan luar bandar berbanding tahun 2021. Secara spesifik, purata gaji & upah bulanan bagi kawasan bandar mencatatkan peningkatan sebanyak 5.1 peratus (2021: RM3,188, +3.2%), manakala kawasan luar bandar menunjukkan kenaikan yang lebih ketara secara relatif sebanyak 10.5 peratus (2021: RM2,166, +3.9%). Mengikut negeri, purata gaji & upah bulanan menunjukkan bahawa W.P. Putrajaya merekodkan purata gaji & upah bulanan tertinggi iaitu pada RM4,666. Selain itu, empat negeri lain juga melebihi paras purata nasional pada RM3,212, iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM4,207), Selangor (RM3,737), W.P. Labuan (RM3,418) dan Pulau Pinang (RM3,313)."

Merumuskan keseluruhan situasi pada 2022, Ketua Perangkawan berkata, "Peningkatan penengah dan purata gaji & upah bulanan disumbangkan oleh aktiviti ekonomi dan sosial yang berterusan, disokong oleh peningkatan ketibaan pelancong dan peningkatan dalam pasaran buruh, terutamanya dalam sektor perkhidmatan."

Data siri masa dan maklumat lanjut mengenai pasaran buruh boleh diperolehi melalui papan pemuka Data Interaktif Pasaran Buruh Malaysia (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Penengah Gaji & Upah Bulanan, 2011- 2022



Carta 2: Purata Gaji & Upah Bulanan, 2011-2022



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

27 SEPTEMBER 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SALARIES & WAGES STATISTICS, MALAYSIA, 2022

Median monthly salaries & wages reached RM2,424, meanwhile the mean recorded a value of RM3,212 in 2022

PUTRAJAYA, 27 September 2023 – Median monthly salaries & wages reached RM2,424, meanwhile the mean recorded a value of RM3,212 in 2022, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of Salaries & Wages, Malaysia, 2022**. These statistics are compiled based on the Salaries & Wages Survey conducted by DOSM through household approach to measure the monthly salaries & wages received by the full-time equivalent of paid employees among the Malaysian citizens working in the private and public sectors based on their principal occupation. Out of a total of 15.39 million employed persons recorded in 2022, the number of full-time equivalents of paid employees among Malaysian citizens was 9.95 million persons.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia, "In 2022, the global economy faced significant challenges, including supply chain disruptions, commodity price shocks, energy crises and high inflation rates before moderating in the fourth quarter of 2022. Despite these headwinds, Malaysia stood out with a remarkable 8.7 per cent Gross Domestic Product (GDP) growth, largely propelled by robust performances in the Services and Manufacturing sectors, which together contributed 82.4 per cent to the nation's GDP. Transition to endemic phase, reopening international borders and rejuvenating the tourism industry has create more demand for labour in the job market. The Malaysian government had increased the minimum wage to RM1,500 starting from May 2022, mandating a monthly wage of RM1,500 for employees in all sectors, as a measure that is expected to improve overall salaries & wages conditions in the country as compared to the previous years. Thus, this situation is reflected by the increase in the median monthly salaries & wages received by Malaysian citizens in 2022 which rose by 7.7 per cent to RM2,424 (2021: RM2,250). It has shown that 50.0 per cent of full-time citizen workers received salaries & wages of RM2,424 and below. Likewise, mean monthly salaries & wages received by Malaysian citizens in 2022 which rose by 5.8 per cent registering RM3,212 (2021: RM3,037)."

By economic activity, all sectors registered increases in the mean monthly salaries & wages in 2022. The Services sector which was the largest sector in the economy recorded the highest number of salaries & wages recipients particularly in sub-sector Wholesales & retail trade activities, Education, Food & beverages and

Accommodation. This was followed by Manufacturing sector whereby both Services and Manufacturing sectors recorded increases in the mean monthly salaries & wages by 5.0 per cent and 7.9 per cent respectively as compared to the previous year.

Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The mean monthly salaries & wages for skilled employees edged up by 3.7 per cent registering an addition of RM177 to RM5,025 (2021: RM4,848). Among skilled employees, Managers category remained as the highest mean monthly salaries & wages at RM6,385, increased by 1.4 per cent as against RM6,296 in 2021 and followed by Professionals (RM5,900) and Technicians & associate professionals (RM3,668). In addition, the mean monthly salaries & wages of semi-skilled employees rose to RM2,241 (2021: RM2,064) particularly contributed by Clerical support workers (RM2,555), followed by Plant and machine-operators and assemblers (RM2,158), Craft and related trades workers (RM2,154) and Services & sales workers (RM2,139). Meanwhile, the mean monthly salaries & wages for the low-skilled category which includes Elementary workers, increased by RM66 to RM1,815 as compared to RM1,749 in the previous year."

Commenting further on the salaries & wages situation by stratum, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The mean monthly salaries & wages for both urban and rural areas recorded an upward trend to RM3,351 for urban areas and RM2,393 for rural areas as compared to 2021. Specifically, the mean monthly salaries & wages in urban areas posted a growth of 5.1 per cent (2021: RM3,188, +3.2%), while rural areas exhibited a relatively more substantial growth of 10.5 per cent (2021: RM2,166, +3.9%). By states, the mean monthly salaries & wages indicate that W.P. Putrajaya recorded the highest mean monthly salaries & wages at RM4,666. Additionally, four other states surpassed the national mean level of RM3,212, namely W.P. Kuala Lumpur (RM4,207), Selangor (RM3,737), W.P. Labuan (RM3,418), and Pulau Pinang (RM3,313)."

Concluding the overall situation in 2022, the Chief Statistician said, "The rise in median and mean monthly salaries & wages was contributed by the continuous economic and social activities, supported by increasing tourist arrivals and improvements in the labour market, especially in the services sector."

Time series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Median Monthly Salaries & Wages, 2011- 2022





Chart 2: Mean Monthly Salaries & Wages, 2011-2022



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

27 SEPTEMBER 2023